


## MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS AYAT MENGUNAKAN KIT MUDAHNYA AtAm DALAM KALANGAN MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBPK) TAHAP DUA

\*Mohamad Amirul Husni Mohd Nasir<sup>1</sup>, Hazimah Mohamad<sup>2</sup>, Maisarah Sabri<sup>3</sup>, Qistina Athiffah Ahmad Sabri<sup>4</sup> & Siti Nor Fazira Suud<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4,5</sup>Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Kuantan, Pahang

Article Info	ABSTRAK
<p><b>Article history:</b> Received: 18 Jan 2025 Revised: 4 Feb 2025 Accepted: 17 Feb 2025 Published: 15 March 2025</p> <p><b>Keywords:</b> membina ayat murid erkeperluan pendidikan khas (MBPK) Kit Mudahnya AtAm Ujian Piagnostik Ujian Pengesanan</p> <p> OPEN ACCESS</p>	<p>Kajian ini bertujuan meningkatkan kemahiran membina ayat dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) kategori masalah pembelajaran dan ketidakupayaan pendengaran tahap 2 dalam mengenal pasti, memahami dan membina ayat tunggal dan ayat majmuk dengan baik mata pelajaran Bahasa Melayu menggunakan tanduk haiwan Mudahnya AtAm. Hasil tinjauan mendapati bahawa kebanyakan MBPK masih kurang mahir dalam mengenal pasti dan membezakan ayat tunggal dan ayat majmuk serta tidak berupaya membina ayat tersebut dengan baik. Dalam pelaksanaan kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen temu bual, pemerhatian, soal selidik dan ujian diagnostik dan pengesanan sebagai data sokongan. Seramai 19 orang murid serta empat orang guru terlibat dalam kajian ini. Hasil penggunaan bahan tersebut menunjukkan peningkatan prestasi dalam kalangan murid masalah pembelajaran iaitu sebanyak 55% dan murid ketidakupayaan pendengaran sebanyak 50% hasil daripada ujian diagnostik dan ujian pengesanan. Penggunaan bahan tersebut membantu murid membina ayat dengan lebih baik. Oleh itu, kewujudan teknik mudah dan kaedah yang menyeronokkan dalam proses PdP menjadikan murid lebih tertarik untuk belajar dan tidak mudah bosan.</p>

**\*Corresponding Author:**

Mohamad Amirul Husni Mohd Nasir  
Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Kuantan, Pahang  
Email: [g-55541463@moe-dl.edu.my](mailto:g-55541463@moe-dl.edu.my)



Creative Commons Attribution 4.0 International

Doi: 10.5281/zenodo.14993441

## PENGENALAN

Semasa melaksanakan proses PdP, pengkaji mendapati murid mengalami masalah dalam memahami, mengenal pasti dan membina ayat tunggal dan ayat majmuk dengan baik. Perkara ini dikenal pasti semasa sesi soal jawab dan latihan kerana terdapat murid yang tidak dapat menyiapkan latihan dan menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru dengan baik. Murid juga tidak dapat membina ayat mudah walaupun sudah diberi bantuan gambar rajah. Perkara ini telah mendatangkan kerisauan kepada pengkaji kerana kandungan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Khas dan Pendidikan Khas (Suaian) banyak melibatkan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran berkaitan membina dan mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk.

Apabila berlaku secara berulang kali, pengkaji telah melakukan kuiz dan temu bual bagi mengukuhkan lagi pernyataan murid mengalami kesukaran dalam mengenal pasti dan membina ayat dengan baik. Semasa melaksanakan temu bual, pengkaji mendapati beberapa perkara yang diberitahu oleh murid, antaranya:

- i) Cikgu, saya tak faham bagaimana nak tentukan subjek dan predikat.
- ii) Ermmm cikgu subjek tu apa?
- iii) Cikgu ayat tunggal macam mana?
- iv) Cikgu kata hubung dengan ayat majmuk tak faham la.
- v) Kenapa susah nak bina ayat cikgu?

Itulah antara senario yang sentiasa dialami oleh pengkaji sebelum ingin memulakan PdP. Perkara ini menjadikan PdP kurang berkesan dan objektif PdP tidak tercapai. Hasil temu bual telah mengenal pasti beberapa masalah:

- i) Murid tidak dapat membezakan ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul.
- ii) Murid tidak dapat menyatakan kata hubung dalam ayat majmuk.
- iii) Murid belum menguasai dalam menentukan subjek dan predikat.
- iv) Murid tidak dapat membina ayat tunggal dan ayat majmuk dengan baik.

Bukan itu sahaja, latihan dan lembaran kerja yang diberikan kepada murid melibatkan membina dan mengenal pasti ayat kebanyakannya tidak dijawab dengan baik. Sebanyak 90% daripada murid tahap 2 tidak dapat menyiapkan kerja tersebut dengan baik. Perkara ini disokong oleh guru yang mengajar bahasa Melayu tahap 2 yang menyatakan bahawa murid memang mengalami kesukaran dalam membina ayat dengan baik. Awang dan Wan (2018) berpendapat bahawa lemahnya penguasaan murid dalam kemahiran menulis terutamanya membina ayat adalah disebabkan kurangnya tumpuan semasa berada di dalam kelas. Murid tidak memberi tumpuan yang sepenuhnya apabila guru hanya mengajar secara *chalk and talk* semata-mata kerana tiada pelibatan aktif dalam kalangan murid (Char & Collier, 2015). Perkara ini disokong dalam kajian Hamzah et al. (2018) yang menyatakan bahawa kaedah ini membosankan dan mengehadkan pemikiran dan keterlibatan aktif dalam kalangan murid. Oleh itu, hasil daripada maklum balas guru dan murid, maka pengkaji terpenggil untuk melaksanakan kajian tindakan bagi membantu MBPK menguasai binaan ayat dengan baik melalui penggunaan Mudahnya AtAm.

## TINJAUAN LITERATUR

Kajian ini memfokuskan kepada masalah membina ayat dan menentukan subjek dan predikat dalam ayat. Hasil tinjauan dan pemerhatian awal mendapati bahawa kedua-dua masalah ini berada pada tahap yang serius (Goodwin, 2024). Ketidakbolehan murid membina ayat dan menentukan subjek dan predikat memberi kesukaran untuk murid menguasai kemahiran menulis dengan lebih meluas disebabkan oleh kemahiran tahap asas membina ayat belum dikuasai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Mereka juga kerap kali sukar untuk menulis ayat disebabkan beberapa perkara. Antaranya:

- i) MBPK kurang tahu untuk memulakan ayat dengan penggunaan subjek yang sesuai.
- ii) MBPK kurang tahu cara kembangkan ayat dengan mudah.
- iii) MBPK sukar membina ayat dengan lengkap.

Selain itu, kebanyakan MBPK ini kurang pengetahuan yang meluas untuk membina ayat disebabkan oleh daya ingatan jangka masa pendek. Perkara ini menyebabkan mereka mudah lupa cara untuk melakukan sesuatu walaupun perkara itu senang dan sudah dipelajari berulang kali (Kamarudin et al., 2022). Oleh itu, para pengkaji telah menghasilkan satu bahan inovasi bagi membantu MBPK menguasai kemahiran membina ayat termasuk menentukan subjek dan predikat dalam ayat dengan betul. Penggunaan bahan ini diharapkan berupaya dapat membantu MBPK memahami dan menguasai binaan ayat dengan lebih mudah seterusnya dapat meningkatkan keupayaan dalam kemahiran menulis yang lain.

## METODOLOGI

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa cara bagi mengumpul masalah yang berlaku dalam kalangan murid. *Jadual 1* menunjukkan bagaimana cara pengkaji mengenal pasti masalah.

Jadual 1: Cara mengenal pasti masalah

Kaedah	Kumpulan Sasaran	Tujuan
Pemerhatian	- Murid 6 Cameron, 5 Lipis dan 4 Kuantan	- Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid melalui soal jawab dan semakan hasil kerja murid.
Temu bual	- Murid 6 Cameron, 5 Lipis dan 4 Kuantan - Ketua Panitia Bahasa Melayu - Guru Bahasa Melayu 5 Lipis	- Pengkaji telah menjalankan temubual bersama murid kelas 6 Cameron dan 4 Kuantan bagi mengetahui masalah yang dihadapi. - Pengkaji telah menemu bual ketua panitia dan guru Bahasa Melayu 5 Lipis bagi mengetahui masalah yang dihadapi.
Ujian Diagnostik	- Murid 6 Cameron, 5 Lipis dan 4 Kuantan	- Pengkaji menjalankan ujian diagnostik ke atas semua kumpulan sasaran bagi melihat sejauh mana kesukaran mereka dalam membina dan membezakan ayat tunggal dan ayat majmuk.
Soal selidik	- Murid 6 Cameron, 5 Lipis dan 4 Kuantan - Ketua Panitia Bahasa Melayu - Guru Bahasa Melayu 5 Lipis	- Soal selidik dijalankan bertujuan untuk mendapat kepastian masalah yang dihadapi.

Berdasarkan kepada *Jadual 1*, setiap cara yang digunakan oleh pengkaji adalah bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid sama ada berlaku secara kerap kali atau sebaliknya. Bukan itu sahaja, pelibatan guru Bahasa Melayu dan ketua panitia juga adalah sebagai sokongan terhadap kajian yang dijalankan oleh pengkaji.


## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kit Mudahnya AtaM telah digunakan di SK Pendidikan Khas Kuantan bagi murid Masalah Pembelajaran dan Ketidakupayaan Pendengaran. Penggunaan kit ini menunjukkan peningkatan prestasi yang ketara dalam kalangan MBPK. Hal ini menunjukkan bahawa kit ini memberi kesan yang mendalam kepada MBPK sekaligus mampu meningkatkan penguasaan dan kefahaman MBPK berkaitan ayat tunggal dan ayat majmuk.


Berdasarkan *Rajah 1* dan *2*, dapat disimpulkan bahawa hasil penggunaan bahan ini menunjukkan peningkatan prestasi dalam kalangan murid masalah pembelajaran iaitu sebanyak 55% dan murid ketidakupayaan pendengaran sebanyak 50%. Perkara ini membuktikan kit ini berupaya meningkatkan pemahaman yang lebih jelas dalam pembelajaran ayat. Kebanyakan MBPK sangat keliru dalam menentukan ayat tunggal dan ayat majmuk kerana mereka kurang faham asas ayat tersebut. Kit ini banyak memberi kesan positif sekaligus

membantu MBPK meningkatkan kefahaman mereka terhadap pembelajaran ayat dan menggunakan kit ini secara langsung semasa proses PdP di dalam kelas. Secara keseluruhannya, pencapaian murid sebelum dan selepas menggunakan kit ini menunjukkan menunjukkan nilai yang positif. Maka, kit yang dihasilkan ini dilihat mampu untuk memenuhi aspek 3K iaitu kecekapan, keberkesanan dan kemenjadian. *Rajah 1* dan *2* menunjukkan data dan bukti bagi pencapaian murid menggunakan kit ini.

Rajah 1: Pencapaian murid masalah pembelajaran sebelum dan selepas menggunakan Kit Mudahnya AtAm



Rajah 2: Pencapaian murid ketidakupayaan pendengaran sebelum dan selepas menggunakan Kit Mudahnya AtAm



Rajah 3: Kod QR maklum balas



Berdasarkan *Rajah 3*, maklum balas yang diterima hasil daripada soal selidik kepada MBPK dan guru sangat baik. Hasil temu bual dan soal selidik juga mendapati bahawa murid sangat seronok menggunakan kit ini. MBPK menyatakan mereka lebih mudah memahami cara membina ayat dengan betul berdasarkan kepada teknik dan cara yang ditunjukkan menggunakan Mudahnya AtAm. Hal ini menunjukkan bahawa kit ini memberi satu perubahan positif ke arah meningkatkan penguasaan MBPK dalam membina ayat. Selain itu, temu bual guru juga mendapati bahawa MBPK lebih mudah membina ayat dengan menggunakan teknik yang diajar dalam kit Mudahnya AtAm. Hal ini dikatakan demikian kerana kit yang bersifat mesra pengguna dan mempunyai pelbagai daya tarikan seperti nyanyian dan permainan ini berupaya merangsang serta membantu meningkatkan kefahaman mahupun daya ingatan MBPK.

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

Rumusannya, tindakan yang dijalankan memberi kesan positif kepada MBPK terutamanya dalam kemahiran menulis membina ayat. Perubahan pertama yang dilihat ialah MBPK menunjukkan minat yang mendalam untuk memahami dan mempelajari ayat. Sebelum menggunakan kit ini, MBPK sering hilang fokus dan sukar untuk memahami topik tersebut dengan mudah walaupun sudah diberi penerangan berulang-ulang kali. Dengan adanya kit ini, MBPK memberi tumpuan sepenuhnya dan berupaya untuk memberi jawapan yang tepat dan jelas semasa sesi soal jawab. Selain itu, pengenalan kaedah nyanyian juga membantu MBPK mengingat konsep asas ayat tunggal dan ayat majmuk dengan lebih mudah. Lirik dan melodi yang digunakan juga memudahkan MBPK untuk mengingat lagu tersebut sekaligus mengingat cara mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk dengan lebih mudah. Jika sebelum penggunaan kit ini, MBPK masih terpinga-pinga untuk mengenal pasti ayat, kini MBPK sudah mampu mengenal pasti ayat dengan cara dan teknik yang betul.

Penggunaan Model Tanduk Haiwan memberi kesan yang positif kerana MBPK tidak lagi perlu menghafal cara mengenal pasti ayat namun hanya memahami konsep tanduk haiwan. Jika murid memahami konsep tanduk haiwan, murid berupaya untuk mengenal pasti dan seterusnya membina ayat dengan lebih mudah. Konsep tanduk haiwan ini dipilih sebagai unsur utama dalam melaksanakan kit ini kerana ia memberi pemahaman yang sangat jelas dan mudah kepada MBPK. Berdasarkan kepada penggunaan Model Tanduk Haiwan ini, murid secara langsung dapat membezakan ayat tunggal dan ayat majmuk dengan lebih mudah. Tambahan pula, pengenalan formula dan modul turut membantu MBPK untuk memahami dan membina ayat dengan gramatis serta tidak lupa cara membina ayat dengan betul. Jelaslah tindakan yang dijalankan ini sangat relevan dan memberi impak yang positif terhadap MBPK dan berupaya mengubah persepsi MBPK untuk membina ayat dengan baik menggunakan kit Mudahnya AtAm.

Berdasarkan kepada pandangan pengkaji, kaedah ini akan dikekalkan dan ditambah baik dari masa ke masa bagi meningkatkan penguasaan kemahiran menulis terutamanya membina ayat dalam kalangan MBPK. Selain itu, beberapa cadangan yang boleh dilakukan untuk kajian seterusnya ialah:

- i) Menggunakan teknik atau kaedah yang sama dalam membina ayat dalam Bahasa Inggeris dengan mengubah suai mengikut kesesuaian mata pelajaran.
- ii) Menggunakan Model Tanduk Haiwan untuk mempelajari operasi asas dalam mata pelajaran Matematik dan Asas 3M (Matematik).
- iii) Menyediakan Modul Latihan Mudahnya AtAm bagi meningkatkan lagi penguasaan murid dalam membina ayat.

Secara ringkasnya, Model Tanduk Haiwan yang diperkenalkan ini merupakan bahan bersifat multifungsi dan pelbagai guna. Bahan ini bukan sahaja boleh digunakan dalam mata pelajaran bahasa Melayu malah boleh merentas mata pelajaran lain mengikut kesesuaian. Jelaslah bahawa cadangan yang dicadangkan boleh diguna pakai untuk kajian yang seterusnya.

## RUJUKAN

- Awang, A. D. P., & Wan, M. W. M. R. (2018). Penggunaan teknik SAP dalam meningkatkan kemahiran membina ayat tunggal murid tahun 5. *Kertas kajian*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Char, S. V., & Collier, C. A. (2015). Chalk and talk versus classroom flipping: Results of a case study. *Journal of Research and Method in Education*, 5(1), 24–28.
- Goodwin, J. R. (2024). What's the difference? A comparison of student-centered teaching methods. *Educational Science Journal*, 13(7), 736.
- Hamzah, N., Omar, R., Ariffin, A., Rubani, S. N. K., & Subramaniam, T. S. (2018). Penggunaan kaedah nyanyian dalam mata pelajaran reka bentuk dan teknologi. *Kertas kajian*, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kamarudin, N. H., Khairuddin, K. F., & Mansor, A. Z. (2022). Penggunaan bahan bantu mengajar guru pendidikan khas dalam meningkatkan kemahiran Matematik operasi darab. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 132–144.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). *Dasar pendidikan digital*. Diakses daripada: <https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/dasar-pendidikan-digital>